

## Dimensi Gaya Kognitif dan Keberkesanan Kepimpinan Akademik: Perbandingan Perspektif Barat dan Islam

**Abdul Halim Busari, Zaimuariffudin Shukri Nordin, Abg Izhar Abg Ahmad,**

**Nor Ain Fariyna Md Yaacob, & Nur Safuhah Yusoff\***

*Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS*

*nursafuhahyusoff@gmail.com\**

### ABSTRAK

Dimensi gaya kognitif dijelaskan dalam pelbagai cara termasuklah apabila seseorang individu memproses, menaakul dan menilai maklumat. Gaya kognitif juga melihat perbezaan individu berdasarkan cara memilih maklumat untuk diguna semula bagi tujuan penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan. Perspektif barat menterjemah gaya kognitif sebagai penggunaan otak kiri dan otak kanan dalam pembuatan keputusan. Namun, premis ini belum dibuktikan secara empirikal sama ada secara kuantitatif atau kualitatif melalui sorotan kacamata kepimpinan Islam yang memahami bahawa berfikir dan membuat keputusan bukan hanya melibatkan otak, tetapi juga elemen seperti minda, hati/qalb, akal dan nafs yang bersandarkan kepada Al-Quran dan sunnah dan bagaimana pengaruhnya terhadap keberkesanan kepimpinan. Kertas ini memaparkan hasil daptan kajian kualitatif penerokaan gaya kognitif daripada sudut pandang kepimpinan akademik iaitu individu yang menjadi pemimpin dalam bidang pengkhususannya. Hasil daptan kajian dikongsikan dalam mengulas tentang definisi, konsep serta ciri-ciri gaya kognitif dari perspektif Islam dan juga perbandingan disiplin ini daripada kacamata barat. Kajian ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada memahami dan membina satu kerangka agar gaya kognitif dalam kepimpinan dapat difahami serta digarap dengan lebih berkesan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif eksploratori/penerokaan.

Kata kunci: *Gaya Kognitif, Analitikal, Intuitif, Keberkesanan Kepimpinan, Qalb*

### PENDAHULUAN

Dimensi gaya kognitif semakin mula mendapat tempat dalam membincangkan topik seperti kepimpinan dan keberkesanan kepimpinan (Hodgkinson & Healey, 2008; Hayes & Allinson, 1994). Penerokaan disiplin ini amat penting untuk memahami perbezaan individu dalam menafsir, memproses, menaakul sehingga akhirnya seseorang membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Gaya kognitif merujuk kepada cara berbeza dan unik setiap individu memproses maklumat terutamanya dalam konteks pekerjaan apatah lagi dalam meningkatkan ilmu dan kemahiran yang berkaitan pembangunan sumber manusia (Abdul Halim et. al., 2017)

Gaya kognitif menurut Allinson dan Hayes (1996; 2001) adalah label atau dimensi bagi seseorang menggunakan kapasiti mindanya dalam memproses maklumat dan membuat keputusan sama ada menggunakan otak sebelah kanan atau otak sebelah kiri. Kajian ini cuba memperhalusi disiplin ini dalam memahami bahawa gaya kognitif seharusnya menjadi keperluan pada setiap pemimpin apatah lagi bila melibatkan penyelesaian masalah dan pembuatan keputusan.

Kepimpinan boleh wujud di mana-mana sama ada institusi formal atau tidak formal, begitu juga yang bercirikan Islam dan sekular, swasta ataupun awam. Dalam konteks kajian ini kepimpinan akademik adalah mereka yang pakar dalam bidang pengkhususan dan bukanlah pemimpin dalam posisi seperti Dekan atau Naib Canselor. Disiplin keberkesanan kepimpinan ini perlu diterokai untuk meninjau cara para pemimpin akademik memproses dan menaakul maklumat dengan

menggunakan otak, minda atau qalb sewaktu membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Dalam dunia pendidikan tinggi yang penuh cabaran, para pemimpin akademik perlu sedar akan perbezaan yang ada pada individu dalam menerima serta memproses maklumat dan ilmu. Adakah penggunaan otak kiri dan kanan digunakan secara optima bagi membuktikan keberkesanannya sebagaimana kajian barat (Armstrong & Hird, 2013), atau adakah para pemimpin akademik bukan sahaja menggunakan otak malahan, minda dan qalb serta unsur lain dalam menafsir maklumat bagi melaksanakan tugas mereka seperti pengajaran, penyelidikan dan juga penglibatan dalam komuniti dan industri. Oleh yang demikian, kajian ini cuba menelusuri pengaruh gaya kognitif terhadap para pemimpin akademik serta cuba mencari dan memahami makna gaya kognitif dari sudut pandangan Islam.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sepanjang dekad yang lalu, dimensi gaya kognitif telah mendapat perhatian serius dalam disiplin pengurusan (Hayes & Allinson, 1994; Hodgkinson & Sadler-Smith, 2003). Gaya kognitif telah banyak diteroka oleh ramai penyelidik malahan pelbagai dimensi serta gaya yang telah dikenalpasti. Antara pelopor gaya kognitif yang termuka adalah Allinson dan Hayes (1996). Mereka menekankan dua dimensi gaya kognitif iaitu gaya kognitif analitikal dan gaya kognitif intuitif.

Pelbagai kajian sudah dilaksanakan untuk menguji dimensi gaya kognitif dengan pelbagai pembolehubah seperti pembelajaran (Sadler-Smith, 2011), keberkesanannya kepimpinan (Abdul Halim Busari, 2010), jantina dan kepintaran emosi (Downey, Papageorgiou & Stough, 2006), dan personaliti (Hodgkinson, Sadler-Smith, Sinclair & Ashkanasy, 2009). Kepelbagaiannya individu atau pemimpin dalam memproses maklumat akan menyebabkan gaya kognitif serta keputusan dan kaedah menyelesaikan masalah akan turut berbeza (Cools & Broeck, 2009). Hampir kesemua kajian yang telah dijalankan adalah secara kuantitatif, kebanyakannya dalam bidang pendidikan dan tidak menyorot dan mendalaminya makna gaya kognitif itu sendiri, apatah lagi daripada perspektif Islam dan bagaimana ia mempengaruhi proses kepimpinan dan keberkesanannya secara amnya. Kajian eksploratori secara kualitatif sangat kurang dalam disiplin ini apatah lagi dalam konteks organisasi pendidikan tinggi di Malaysia. Malahan rujukan bidang ini di Malaysia sangat sedikit dan pengembangan kajian ini juga tidak banyak digarap oleh penyelidik di Malaysia yang menyebabkan jumlah literatur yang terdapat di negara ini juga sangat terhad.

Terdapat pelbagai pendapat mengenai gaya kognitif, namun kajian daripada perspektif Islam serta pengaruhnya terhadap keberkesanannya kepimpinan juga begitu terhad. Oleh itu, banyak peluang yang boleh digarap daripada jurang penyelidikan yang ada terutama dalam mencari makna serta melihat dimensi gaya kognitif yang mungkin wujud daripada perspektif Islam. Jika perspektif Barat melihat pemikiran dan pembuatan keputusan berpandukan kepada otak kiri atau kanan, sorotan Islam cuba menelusuri bidang kajian ini menjangkaui akal, hati/qalb seperti yang termaktub dalam maksud Hadis Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud "...Sesungguhnya dalam setiap jasad itu ada seketul daging yang apabila ia baik maka baiklah seluruh jasad, dan apabila ia rosak, maka rosaklah seluruh jasad. Ketahuilah ia adalah hati". (Riwayat Bukhari dan Muslim)

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Konsep dan definisi gaya kognitif**

Terdapat beberapa definisi asas yang berkaitan dengan gaya kognitif yang boleh membuktikan bagaimana individu berfikir dalam menerima, menggabungkan, menafsir dan menggunakan maklumat. Di antaranya adalah definisi daripada Cross (1976) merujuk kepada gaya atau cara-

cara perwatakan individu menggunakan pemikiran mereka. Witkin, Moore, Goodenough and Cox (1977) pula menerangkan bahawa gaya kognitif sebagai perbezaan individu dalam menerima sesuatu perkara, berfikir, menyelesaikan masalah, serta belajar. Ford, Wood dan Walsh (1994) menerangkan gaya kognitif sebagai koleksi strategi yang membezakan seseorang individu dalam memproses maklumat.

Menurut Allinson dan Hayes (1997), gaya kognitif merupakan aspek kepada sesuatu personaliti yang berkait dengan gaya tertentu untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta bentuk kelakuan yang terhasil. Hal ini menunjukkan bahawa bagaimana seseorang itu mempunyai ‘perwatakan individu’ yang tersendiri dengan cara menerima, mengumpul, memproses dan menggunakan informasi serta menyelesaikan masalah (Armstrong & Cools, 2009; Messick, 1996). Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa definisi tersebut dapat dibahagikan kepada dua elemen utama. Pertama sekali adalah perbezaan individu dalam menggunakan isian minda untuk berfikir, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Kedua adalah kaedah, cara atau pendekatan yang digunakan untuk mengumpul, memproses dan menilai maklumat (Abdul Halim Busari et, al. 2017). Selaras dengan Spicer (2004) yang menekankan bahawa gaya kognitif biasanya menggambarkan kepada dua perkara iaitu gaya atau pendekatan dan perbezaan individu.

### **Dimensi gaya kognitif**

Penyelidikan gaya kognitif telah mendapat momentum dalam persekitaran organisasi. Allinson dan Hayes (1996) percaya bahawa gaya kognitif ada hubungkait dengan disiplin pengurusan dan gelagat organisasi dan mencatatkan hubungannya dengan pemilihan staf, tugas dan prestasi pembelajaran, pemilihan kerjaya, pengurusan konflik serta latihan dan pembangunan.

Pelbagai jenis dimensi yang berbeza tentang gaya kognitif telah dikenal pasti oleh penyelidik sebelum ini yang bermula daripada dimensi ‘adaptors – innovators’ (Kirton & De Ciantis. 1986), dimensi ‘field-dependence /field-independence’ (Witkin, Moore, Goodenough & Cox, 1977), dimensi ‘wholist-analytical / verbaliser-imager’ (Riding & Cheema, 1991), dan dimensi yang terbaru dan sering digunakan dalam konteks organisasi dirujuk daripada Allison dan Hayes (1996) iaitu dimensi ‘analitikal dan intuitif’. Kajian ini akan meneroka dimensi gaya kognitif analitikal dan intuitif sebagai asas perbincangan dan pengkajian.

Intuitif dan analitikal adalah istilah yang digunakan untuk menerangkan pemikiran berdasarkan otak kanan dan otak kiri (Allinson & Hayes, 1996). Menurut Allinson dan Hayes (1998) intuitif adalah perwatakan berorientasikan otak kanan, yang merujuk kepada pertimbangan terus berdasarkan perasaan dan menggunakan pendekatan holistik. Dalam konteks organisasi, seseorang yang intuitif lebih cenderung dengan pendekatan berfikiran terbuka, lebih kreatif dan tidak terlalu mengikut susun-atur dan mempunyai banyak idea (Allinson dan Hayes, 1996). Menurut Andersen (2000) dan Sadler-Smith (2004) dimensi ini lebih cenderung dikaitkan dengan keberkesanan.

Manakala analitikal pula merupakan perwatakan berdasarkan otak kiri, di mana ia menunjukkan penilaian berdasarkan penaakulan logik akal dan memfokuskan sesuatu dengan terperinci (Abdul Halim Busari et, al. 2017). Dalam konteks organisasi, seseorang yang analitikal lebih cenderung kepada pendekatan berstruktur untuk menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta lebih gemar menggunakan kaedah yang sistematik dalam penyiasatan, mengingati kembali pengalaman lepas, dan lebih selesa dengan menganalisis sesuatu perkara berdasarkan urutan langkah demi langkah (Allinson, Armstrong & Hayes, 2001). Ciri-ciri dua dimensi ini dicatat dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: *Ciri-ciri individu berdasarkan gaya kognitif*

| Intuitif   | Analitikal  |
|--|---|
| Kecenderungan kepada kecepatan, pendekatan lebih terbuka | Kecenderungan kepada pendekatan berstruktur                       |
| Penyelesaian masalah menggunakan pendekatan holistik     | Penyelesaian masalah menggunakan kaedah sistematis                |
| Kaedah rawak   | Mengikut langkah demi langkah                                     |
| Pemikiran berdasarkan sintesis dan penaakulan langsung   | Pemikiran berdasarkan akibat logik dan penaakulan secara vertikal |

Disesuaikan daripada “The Influence of Individual Cognitive Style on Performance in Management Education,” oleh S. J. Armstrong, 2000, Educational Psychology, 20, p. 324.

Semua dimensi ini adalah hasil rangka kajian di Barat dengan mengambil kira kebanyakan penyelidikan adalah secara kuantitatif. Penulisan lepas tidak memfokuskan bagaimana Islam membincangkan pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah dalam kalangan pemimpin. Tambahan pula perbincangan di barat hanya terhad kepada penggunaan otak kiri dan kanan, tanpa mengambil kira minda dan konsep qalb yang dibahaskan oleh sarjana Islam dengan lebih terperinci.

### **Pengukuran Gaya Kognitif**

Di Barat, gaya kognitif telah dikaji dan diukur daripada pelbagai sudut (Hodgkinson & Sadler-Smith, 2003). Ramai penyelidik dan penulis telah membangunkan instrumen mereka untuk mengukur serta melabel secara unik gaya kognitif. Walau bagaimanapun kebanyakan kajian ini tertumpu dalam sektor pendidikan, dengan yang demikian instrumen bagi kegunaan organisasi yang mengkhusus kepada bidang pengurusan sumber manusia, kepimpinan ataupun latihan sangat terhad (Allinson & Hayes, 1996).

Terdapat beberapa instrumen kuantitatif yang telah digunakan bagi menilai gaya kognitif seperti Kirton Adaption-Innovation Inventory (1976), Wholist-Anaytic dan Verbal-Imagery (Riding & Rayner, 1998) serta Cognitive Style Index (Allinson & Hayes, 1996). Sebagai asas perbincangan dimensi gaya kognitif dalam kajian ini, artikel ini cuba menyorot The Cognitive Style Index (CSI) yang telah dibina oleh Allinson dan Hayes (1996) bertujuan untuk mengukur gaya kognitif kerana setiap individu memiliki gaya pemikiran yang berbeza sama ada menggunakan otak kanan atau otak kiri. Gaya kognitif yang diukur bersifat uni-dimensi iaitu pemprosesan dimensi secara menyeluruh atau sebahagian sahaja. Soal selidik ini mengandungi 38 item yang akan mengenalpasti gaya kognitif individu dengan menggunakan skala true/ uncertain/ false. Skor maksimum untuk ujian ini ialah 76. Intuitif dan analitikal adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan pemikiran otak kanan dan otak kiri. Responden yang memperolehi skor tinggi lebih kepada gaya kognitif analitikal manakala skor rendah menandakan gaya kognitif intuitif.

Yang terkini apabila Mealor, Simmer, Rothen, Carmichael dan Ward (2016) telah membangunkan Sussex Cognitive Styles Questionnaires (SCSQ) yang bertujuan menilai proses visual dan verbal individu. Soal selidik ini mengandungi 60 item bagi mencari Imagery Ability, Technical/ Spatial, Laguage & Word Forms, Global Bias dan Systemising Tendency. Kesemua ini adalah contoh pengukuran dimensi gaya kognitif secara kuantitatif, namun masih kurang penerokaan gaya kognitif secara kualitatif dalam konteks Malaysia apatah lagi dalam kalangan pemimpin Islam.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini bertujuan meneroka secara kualitatif eksploratori berkenaan gaya kognitif dalam kalangan pemimpin akademik beragama Islam di Institusi Pendidikan Tinggi dan pengaruhnya terhadap keberkesanannya.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi menjawab beberapa persoalan kajian yang telah digariskan seperti di bawah:

- RQ1: Apakah maksud gaya kognitif menurut perspektif Islam?
- RQ2: Apakah perbandingan dimensi gaya kognitif yang dicadangkan oleh Hayes & Allinson dengan konsep gaya kognitif menurut perspektif Islam.
- RQ3: Bagaimana gaya kognitif menjadi penentu keberkesanannya kepimpinan akademik dalam pendidikan tinggi.

## **METODOLOGI**

Bahagian ini akan membincangkan reka bentuk kajian, informan, instrumen kajian, kaedah dan prosedur pengumpulan data, serta analisis data.

### **Reka bentuk kajian**

Kajian ini adalah berbentuk eksploratori/penerokaan secara kualitatif. Rekabentuk ini adalah berdasarkan objektif kajian yang meneroka gaya kognitif dalam kalangan pemimpin akademik beragama Islam dan bagaimana pengaruhnya terhadap keberkesanannya kepimpinan. Melalui pendekatan ini diharapkan mendapat maklumat lebih mendalam dan jelas daripada informan (Flick, 2009).

### **Informan kajian**

Informan yang terpilih adalah sepuluh orang (enam orang lelaki dan empat orang perempuan) pemimpin akademik beragama Islam (pakar dalam bidang penghususan akademik) yang terlibat dalam pendidikan tinggi yang diberikan soalan yang mampu digarap dengan baik terutama dalam memahami kehendak soalan yang ditanyakan berkenaan gaya kognitif dan dimensinya menurut perspektif Islam.

### **Instrumen kajian**

Instrumen yang digunakan adalah temubual separa struktur. Pengkaji juga telah menyediakan panduan temubual (Interview Guide) sebagai panduan menanyakan soalan berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah digariskan. Penggunaan kaedah temubual separa struktur juga membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat dari pelbagai pandangan yang ada pada setiap informan. Panduan temubual mengandungi soalan pemula, soalan utama, soalan demografik dan penutup. Namun setiap sesi berjalan dalam keadaan berbeza bergantung kepada respon yang diberikan oleh informan.

### **Analisis Data**

Prosedur penganalisisan data dilaksanakan dalam tiga fasa iaitu persediaan (Fasa 1), penerokaan data (Fasa 2), dan analisis dan pengkategorian data (Fasa 3). Fasa pertama adalah penyediaan data mentah (raw data) untuk dianalisis yang telah dikumpul dalam bentuk transkripsi secara verbatim.

Setelah itu penerokaan data dimulakan dengan penyelidik menyemak dan membaca transkrip untuk mendapatkan maklumat utama dengan menggunakan teknik pengurangan data (Data reduction technique). Pada waktu ini data mula disemak mengikut kata kunci utama dengan menggunakan Jadual Matriks.

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih bermanfaat, data yang diperolehi melalui transkrip dikategorikan mengikut tema utama (Cresswell, 2009). Fasa terakhir adalah pengkategorian data dengan menggunakan analisis kandungan (content analysis). Analisis mengikut tema (thematic analysis) digunakan pada peringkat ini agar maklumat yang tepat dapat dikategorikan kepada tema yang bersesuaian dan ditafsirkan selari dengan persoalan kajian.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Perbincangan dapatan kajian diulas mengikut persoalan kajian (RQ) yang telah dibina.

### **RQ1: Apakah maksud gaya kognitif menurut perspektif Islam?**

Berdasarkan persoalan kajian ini, beberapa soalan telah ditanyakan kepada informan termasuklah, pernahkah mendengar istilah gaya kognitif dan definisi gaya kognitif. Terdapat pelbagai definisi berkaitan dengan gaya kognitif dan konsep pemikiran. Hasil dapatan mendapati kesemua informan mempunyai tafsiran tersendiri dan berbeza-beza tentang gaya kognitif menurut perspektif Islam.

#### ***Selari dengan Al-Quran dan As-Sunnah***

Berdasarkan dapatan ini, informan mendefinisikan gaya kognitif menurut perspektif Islam adalah satu proses pertimbangan yang mesti selari dengan Al-Quran dan Sunnah. Ini direkodkan oleh informan 1 sebagaimana keterangan di bawah:

*“cara manusia berfikir menurut Islam adalah dengan menggunakan banyak kaedah di antaranya ialah nazar (untuk pertimbangan), tabassur (intuisi), tadabbur (memikirkan), tafaqquh (utk memahami), tadhakkur (Ingin atau mengambil peringatan ke dalam hati), i’tibar (mengambil pengajaran), ta’aqul (menggunakan akal dengan cara yang betul) dan tawassum (muhasabah diri).”*

Seterusnya informan 1 ada menyatakan proses-proses kognitif yang dinyatakan adalah berdasarkan ayat-ayat yang terdapat di dalam Al-Quran,

*“...kelapan-lapan kaedah berfikir menurut Islam ini ada disebut di dalam Al-Quran. Berkaitan nazar (untuk pertimbangan) di dalam surah Yunus:101; Berkaitan tabassur (intuisi) di dalam surah Yusof:108, tadabbur (memikirkan) di dalam surah Muhammad: 24, tafaqquh (memahami) di dalam surah Al-An’āam:65, tadhakkur (mengambil peringatan ke dalam hati) di dalam surah Al-Baqarah: 221 , i’tibar (mengambil pengajaran) di dalam surah Ali-Imran: 13, ta’aqul (menggunakan akal dengan cara yang betul) di dalam surah Al-Hajj: 46 dan tawassum (untuk renungan atau muhasabah diri) di dalam surah Al-Hijr: 75...”*

Menurut Islam, manusia dikurniakan otak, namun akal yang memandu manusia untuk berfikir dalam membuat keputusan. Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl 16:78 yang bermaksud “Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal) supaya kamu bersyukur”.

Jelas manusia itu bukan sahaja tubuh badan fizikalnya, bahkan merangkumi metafizik seperti akal, hati, perasaan, jiwa dan roh. Semuanya harus diberi penekanan seimbang. Ini semua adalah sesuatu yang bersifat azali dan semula jadi kepada manusia. Bahkan Al-Quran adalah manual kehidupan yang diturunkan sebagai pakej lengkap oleh sang Pencipta manusia itu sendiri.

### *Tadabbur*

Kenyataan-kenyataan ini turut disokong dengan kata-kata daripada informan 4,

*“...cara berfikir oleh seseorang muslim itu boleh terjadi melalui cara taddabbur yaitu memikirkan apa yang berlaku dan cuba untuk melakukan muhasabah diri yakni tawassum...”*

### *Tafaqquh*

Tambahan unsur kognitif juga terdapat dalam kenyataan informan 2,

*“...berfikir menurut Islam adalah satu proses mental bertujuan memproses maklumat atau pengetahuan yang diperolehi bagi tujuan pemahaman (tafaqquh) atau penyelesaian (tawassum) sesuatu masalah yang berupa kehendak dan keinginan, atau keperluan...”*

### *Tawassum*

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa kebanyakkan informan mengakui bahawa proses tawassum iaitu muhasabah diri adalah salah satu gaya kognitif yang disarankan di dalam Islam dalam menginsafi kesilapan atau dosa-dosa yang telah dilakukan. Saidina Umar Al-Khattab ada mengatakan “hitunglah (muhasabahlah) dirimu sebelum kamu dihitung.” Berdasarkan petikan ini, Islam amat menggalakkan setiap individu untuk melakukan muhasabah diri agar beroleh kehidupan yang diredhai oleh Allah swt. Memetik petikan ayat Al-Quran dari surah Al-Hasry, ayat 18,

*“Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap diri memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan”*

### *I'tibar*

Informan 5 juga turut mengatakan bahawa gaya pemikiran seorang manusia itu berkait rapat dengan kaedah i'tibar iaitu mengambil pengajaran.

*“...mengambil iktibar juga turut melibatkan gaya pemikiran seseorang...”*

### *Ta'aqqul*

Selain itu terdapat juga informan yang menyatakan bahawa proses ta'aqqul menjadi kayu ukur pemikiran seseorang individu. Ini dipetik daripada kata-kata informan 3,

*“...kognitif itu adalah gaya pemikiran manusia secara ta'aqqul iaitu ditentukan oleh input yang masuk ke akalnya sebelum itu melalui pancainderanya. Apa yang masuk itulah yang keluar daripada mulutnya (atau jarinya melalui tulisan)...”*

### *Akal*

Informan 6, 7 dan 8 juga menyentuh tentang peranan akal dalam membantu membuat keputusan dan mendefinisikan gaya kognitif. Pernyataan Informan 7 bahawa gaya kognitif menurut perspektif Islam turut menekankan tentang konsep akal di mana akal ini merupakan tempat yang membantu manusia untuk berfikir. Menurut Islam, manusia dikurniakan otak, namun akal yang memandu manusia untuk berfikir dalam membuat sesuatu keputusan. Firman Allah dalam Surah al-Nahl 16:78 yang bermaksud,

*“...Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan kamu tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal) supaya kamu bersyukur”.*

Gaya kognitif menurut Islam yang dianjurkan melalui wahyu ini tidak sama dengan sumber akal malah jauh lebih tinggi lagi daripada sumber akal dan sumber lain. Namun begitu, ia tidak bermakna sumber lain akan terus diketepikan. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat beberapa ayat Al-Quran yang berulang-ulang digunakan di mana menuntut agar dipergunakan

akal sehingga perkataan yang berasal dari ‘aqala sendiri terdapat lebih daripada 45 ayat di dalam Al-Quran. Dan gesaan agar menggunakan fikiran (tafakkara) juga disebut berulang kali di dalam Al-Quran. Melalui perulangan kata-kata ini, kita dapat melihat betapa pentingnya bagi mereka yang beriman kepada Allah untuk menggunakan akal fikiran mereka dalam membuat sebarang keputusan dan dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Walau bagaimanapun, di dalam Al-Quran terdapat juga penggunaan perkataan lain selain akal atau fikiran, iaitu menggunakan perkataan lain yang mempunyai makna yang sama. Antaranya ialah perkataan faqihah, fahimah, nazara dan sebagainya. Perkataan-perkataan ini yang memberi makna yang berlainan, namun membawa maksud yang sama di sebalik perkataan itu. Hal ini dapat dikuatkan lagi melalui kata-kata dari informan 8 iaitu:

*“...Kalau kita tengok di dalam Al-Quran, cara memandang pandangan ini, Allah kurniakan pelbagai perkataan. Sebagai contoh, perkataan yang membawa maksud “Apakah kamu tidak melihat”. Melihat dalam erti kata istilah Arab “Ra A”, “ra alif hamzah ya” tu, bermaksud melihat melalui pandangan mata. Maknanya, kita tengok secara zahir pun dah nampak. Yang kedua di dalam Al-Quran, Allah juga sebut pandangan ini Allah gunakan perkataan “Na za ra”. “Apakah kamu tidak melihat bagaimana unta itu diciptakan?”. Melihat, tapi dalam erti kata melihat dengan menggunakan analisis akal. Yang ketiga, Allah kurniakan perkataan “Basara”. Dalam Al-Quran selalu menyatakan. “Apakah kamu tidak melihat?” Tapi, melihat dalam konteks melihat dengan mata, kemudian dia proses dengan akal, dan dia akan masuk ke dalam hati. “Dan daripada diri kamu sendiri, apakah kamu tidak memerhati”. Dan memerhati dari perkataan ni bermakna kamu tengok diri kamu, kamu fikir apa yang ada pada diri kamu ni dan kamu rasa kebesaran Allah dan kamu. Maka, kita kata kan konsep memerhati ni adalah memproses dengan menggunakan akal...”*

### ***Hati (Qalb)***

Manakala hati (qalb) pula sifatnya berbolak-balik. Nafsu merupakan musuh hati kerana kecenderungan hati itu bergantung kepada diri individu itu sendiri. Hal ini dapat dibuktikan melalui kata-kata Informan 1 iaitu,

*“...kalau hati tadi tak kuat, hati ni pun dia berbolak-balik. Ada masanya kita lemahkan. Ada masanya kita nak rehat. Ada masanya kita hajat sesuatu perkara itu tadi kan. Macam tu lah”*

Al-Qalb berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud hati. Al-Qalb terbahagi kepada dua iaitu dari segi fizikal dan rohani. Dari segi fizikalnya ia merupakan seketul daging yang terletak di pinggir dada kiri iaitu daging khusus. Manakala dari sudut rohani pula Al-Qalb merupakan satu gejala yang latifah, rabbaniyah dan rohaniah yang menentukan hakikat kemanusiaan. Dalam erti kata lain, jasad manusia tunduk di bawah hati nuraninya. Hati mempunyai kedua-dua kecenderungan. Oleh itu, segala perbuatan manusia merupakan refleksi hati nuraninya (Mahmood, 1992). Sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah Al-An'am (6:125) yang bermaksud,

*“Maka barang sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya, nescaya ia melapangkan dadanya (membuka hatinya) untuk menerima Islam”.*

Hal ini menunjukkan hati sebagai tempat pengisian keimanan dan ketaqwaan. Pelbagai maksud gaya kognitif boleh diambil berdasarkan maklumat ini termasuklah yang berkaitan akal dan qalb yang semuanya berfokus kepada memahami dan melihat sesuatu perkara melalui mata hati sebagai anugerah Allah SWT.

### **RQ2: Apakah perbandingan dimensi gaya kognitif yang dicadangkan oleh Hayes & Allinson dengan konsep gaya kognitif menurut perspektif Islam.**

Mengenai soalan kajian ini, perbandingan antara konsep gaya kognitif yang dicadangkan oleh pengkaji Barat iaitu Allinson dan Hayes ini dengan konsep gaya kognitif menurut perspektif Islam. Konsep gaya kognitif menurut kajian Hayes dan Allinson (1998) adalah memfokuskan

kepada bahagian otak kanan iaitu intuitif dan bahagian kiri iaitu analitikal. Manakala konsep gaya kognitif di dalam Islam adalah menekankan konsep qalbu iaitu hati dan akal iaitu akal fikiran. Setiap informan mempunyai pandangan yang berbeza-beza terhadap disiplin gaya kognitif tersebut.

### **Otak Kiri dan Otak Kanan**

Namun begitu, konsep gaya kognitif yang dicadangkan oleh Hayes dan Allinson (1996) itu tidak menjadi permasalahan untuk digunakan. Perkara ini dapat dilihat daripada kenyataan informan 3:

*“...selagi tidak ada bukti daripada ayat al-Quran atau hadis tentang teori ini, maka ia tidaklah 100 peratus tepat sebagaimana teori kognitif manusia ciptaan Allah. Bagaimanapun teori ini tidaklah haram atau makruh.”*

Apabila ditanya pandangan mereka berkaitan konsep gaya kognitif yang dicadangkan oleh Hayes dan Allinson, informan 2 ada mengatakan:

*“...otak kanan memproses maklumat secara kreatif dan subjektif, otak kiri memproses maklumat secara kritis dan objektif...”*

### **Hati yang Sejahtera (Qalbun Salim)**

Informan 4 turut menyokong konsep ini kerana menurut beliau kajian di Barat mungkin ada kebenarannya kerana ia berdasarkan kajian empirikal dan pemerhatian. Seperti mana yang dikatakan oleh kesemua informan mengenai konsep akal, qalb dan sebagainya dan antaranya adalah kata-kata dari informan 3 yang menyatakan tentang konsep akal, wahyu serta menggunakan akal dengan pandangan hati iaitu:

*“...sedangkan di dalam Islam, kita diajar, apabila kita berfikir, kita kena hubungkan pemikiran kita dengan wahyu Allah. Apa yang Allah sebut, apa yang Allah ceritakan, akal kita memproses apa yang disebut tu, dan membenarkannya...”*

Meskipun kajian Barat secara teorinya menyatakan bahawa otak manusia itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu kanan dan kiri, tetapi di dalam Islam tidak dinyatakan secara jelas bahawa otak manusia dibahagikan kepada dua bahagian dan ia digunakan dalam membuat sesuatu keputusan. Selain itu terdapat juga informan yang mengatakan bahawa otak itu hanya alat untuk membantu manusia berfikir. Namun begitu yang memandu manusia dalam membuat keputusan adalah akal fikiran serta hati yang sejahtera (qalbun salim). Hal ini dinyatakan oleh informan 10,

*“...orang kata kalau ada mata boleh melihat, kenapa orang buta ada mata tetapi tidak boleh melihat? Orang kata kalau ada telinga boleh mendengar, kenapa orang pekak ada telinga tetapi tidak boleh mendengar? Begitu juga dengan otak, orang kata kalau ada otak boleh berfikir, kenapa orang yang ada otak tetapi masih berbuat jahat? Jawapannya adalah, mata, telinga, mahupun otak hanya alat. Perkara yang membuatkan seseorang itu melihat, mendengar dan berfikir itu adalah kerana Allah mengurniakan pancaindera...”*

Ibn Qayyim Al-Jauziyah sendiri mencadangkan aspek merasionalkan fikiran dengan cara menentang aspek pemikiran negatif dan menggantikannya dengan pemikiran yang positif. Ibn Qayyim menggunakan contoh perlakuan Rasulullah daripada hadis apabila cuba merasionalkan pesakit (Manal Muhammad Asif, 2011).

Kenyataan ini turut selari dengan pendapat oleh informan 3 bahawa secara fitrahnya pemikiran manusia itu terbahagi di antara positif dan negatif namun begitu tidak dinyatakan di dalam Islam berkaitan pecahan di bahagian otak di antara kanan dan kiri.

*“...Orang berfikir bukan berdasarkan otak, tetapi kerana manusia ini dikurniakan akal fikiran dan akal ini pula dipandu oleh qalbu salim iaitu hati yang sejahtera. Hati yang sejahtera pula dapat dibentuk melalui amalan-amalan yang mendapat keredhaan Allah SWT seperti membaca Al-Quran, berzikir mengingati Allah, solat sunat dan sebagainya...”*

Kata-kata informan di atas menguatkan lagi tentang konsep gaya kognitif dan melalui hasil temubual ini dapat disimpulkan tentang terdapatnya perbandingan yang ketara yang perlu dilitikberatkan tentang perbezaan antara konsep pemikiran Islam dan Barat ini. Apa yang cuba disampaikan oleh para informan untuk mengaitkan pemikiran kita dengan wahyu Allah ialah supaya manusia berfikir agar mereka menggunakan wahyu Allah iaitu Al-Quran dan panduan sunnah Rasulullah SAW sebagai tempat rujukan untuk manusia membuat sebarang keputusan kerana sesungguhnya telah Allah berikan jawapan untuk setiap sesuatu itu sebagai panduan kerana terdapat sesetengah perkara yang menjangkaui pemikiran manusia untuk mereka membuat sesuatu keputusan. Al-Quran merupakan manual yang dapat membantu manusia untuk membuat suatu keputusan.

### **RQ3: Bagaimana gaya kognitif menjadi penentu keberkesanannya kepimpinan akademik dalam pendidikan tinggi.**

#### ***Niat yang Betul***

Antara unsur yang penting dalam mempengaruhi seseorang pemimpin dalam pembuatan keputusan yang berkesan menurut perspektif Islam adalah berdasarkan niat yang betul. Hadis berkaitan niat ini merupakan hadis yang disusun sebagai yang pertama di dalam koleksi Hadis 40 yang karangan Imam Nawawi. Hadis tersebut adalah seperti berikut,

*“Daripada Amirul Mukminin Abu Hafsin 'Umar ibn al-Katthab r.a. beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda; Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan Rasul-Nya, maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujuinya itu”.*

Berdasarkan hadis ini, Rasulullah SAW menyatakan bahawa segala amal adalah bermula dengan niat. Niat adalah sebab pertama untuk mewujudkan atau melahirkan amal. Amal adalah segala perbuatan yang dilakukan oleh seseorang individu. Amal yang diterima atau tidak adalah berdasarkan niat individu tersebut. Hal ini kerana niat merupakan qasad iaitu tujuan hati. Niat atau tujuan hati tersebut timbul melalui kesedaran hati atau jiwa untuk melakukan sesuatu amal menurut kemauan diri. Melalui tujuan hati maka terjadi sesuatu amal dan pekerjaan. Oleh hal yang demikian pembuatan keputusan dalam pengajaran, penyelidikan malahan keterlibatan masyarakat dan industri juga merupakan suatu amal. Oleh itu, pembuatan keputusan yang berkesan sangat berkait rapat dengan niat yang diniatkan.

Perkara ini ada dinyatakan oleh informan 7:

*“...Pembuatan keputusan yang berkesan adalah ikhlaskan hati dan tentukan niat sebenar tiada unsur negatif yang menghampiri dosa...”*

Unsur niat ini dalam pembuatan keputusan juga disokong oleh informan 9:

*“...kalau nak buat apa-apa keputusan, perkara pertama perlu dibuat adalah tetapkan niat dahulu, niat tu penting...”*

Menurut Amaluddin et. al., (2011), berdasarkan ulama mazhab Imam as-Syafie ada mengatakan bahawa sumber asal pada akal ('aqlun) hakikatnya berasal daripada hati. Kenyataan ini merujuk kepada petikan daripada ayat Al-Quran surah Al-A'raf ayat 179,

*“...Mereka mempunyai hati, namun (tetapi) mereka tidak mahu memahami dengannya (ayat-ayat Allah)...”*

Amaluddin et. al., (2011) turut menyatakan bahawa hati sebagai sumber asal kehidupan (pergerakkan) seluruh badan termasuklah otak. Oleh hal yang demikian hati ini wajib diperlihara dan dijaga supaya ia sentiasa bersih. Berikut merupakan petikan ayat Al-Quran daripada surah Asy-Syams ayat 9 berkaitan kebaikan manusia yang menjaga kesucian hatinya.

*“...sungguh beruntunglah orang yang senantiasa membersihkan jiwanya dan sungguh merugilah orang yang senantiasa mengotori jiwanya...”*

### ***Al-Quran dan As-Sunnah***

Pembuatan keputusan setiap individu perlu didasari dengan Al-Quran dan As- Sunnah. Hal ini kerana Al-Quran dan As-Sunnah merupakan manual utama dalam kehidupan manusia. Namun begitu, Qias dan Ijmak juga boleh dijadikan sebagai sumber pembuatan keputusan bagi seorang muslim sekiranya maklumat yang diperlukan itu tidak dinyatakan secara jelas di dalam Al-Quran atau As-Sunnah. Kenyataan ini disokong oleh informan 1,

*“...sebagai orang muslim, kita tidak boleh lari daripada empat kaedah ini dalam membuat keputusan, iaitu Al-Quran, As-Sunnah , Qias, Ijmak sahabat atau Ijmak ulama, kalau lari daripada empat kaedah ini, kita akan tersalah panduan...”*

Kenyataan ini turut disokong oleh informan 2 bahawa Al-Quran dan As-Sunnah adalah dua asas utama yang perlu dijadikan asas kepada umat Islam dalam membuat sesuatu keputusan agar beroleh keputusan yang tepat serta beroleh keredhaan Allah SWT. Berikut merupakan kenyataan yang dinyatakan oleh informan 2,

*“...dalam khutbah terakhir Nabi Muhammad SAW, dua perkara yang baginda tinggalkan nescaya kita tidak akan sesat iaitu Al-quran dan As-sunnah, kita ikut, jangan ada ragu-ragu, insyallah dua perkara ini akan memandu kita membuat keputusan yang baik.”. Seterusnya informan 4 turut menyatakan “Iman dan Islam serta dipenuhi akal yang sihat dan sejahtera serta berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah nabi.”*

Setiap individu muslim perlu menggunakan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai manual dalam mengatur kehidupannya terutama sekali dalam proses membuat sesuatu keputusan (Fariza, 2006). Hamdan (2008) turut menyatakan prinsip-prinsip pembuatan keputusan di dalam Islam mestilah merujuk kepada Al-Quran, As-Sunnah, Ijmak dan Qias. Pembuatan keputusan seseorang individu muslim itu berkait rapat dengan niatnya. Niat ini dipengaruhi oleh hati yang bersih dan sejahtera. Hati yang bersih dan sejahtera akan diperolehi berdasarkan perbuatan amalan yang berpaksikan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Seorang individu itu perlu menggunakan empat sumber utama pembuatan keputusan iaitu Al-Quran, As-Sunnah, Qias dan Ijmak agar keputusan yang dibuat tidak bercanggah dengan hukum syarak serta beroleh keputusan yang mendapat keredhaan daripada Allah SWT.

### **KESIMPULAN**

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka maksud dimensi gaya kognitif serta mengetengahkan perbandingan pendapat di antara sarjana Barat dan perspektif Islam. Melalui kajian ini, pengkaji dapat meneroka mengenai gaya kognitif menurut perspektif Islam yang sebelum ini kurang mendapat pendedahan berbanding pangkajian yang dilakukan oleh pengkaji Barat. Seterusnya

kajian ini adalah untuk meneroka elemen-elemen atau perkara-perkara lain yang terlibat dalam proses membuat keputusan menurut perspektif Islam dan adakah ianya berbeza atau selari dengan teori dari kajian sarjana Barat. Kesimpulannya, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa kajian gaya kognitif di Barat dan Islam mempunyai persamaan dan perbezaannya. Meskipun gaya kognitif di dalam Islam menekankan konsep akal dan qalb dalam pembuatan keputusan, namun akal ini perlu dipandu oleh qalb yang bersih dan sejahtera agar berada di jalan keredhaan Allah SWT. Para pemimpin di medan akademik dan pendidikan tinggi khususnya perlu mengambil kira semua ciri ini.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Busari. (2007). *Leadership effectiveness: The influence of cognitive style*. Proceedings of Conference of the Northern Leadership Academy Fellows, Darlington, September 20, 2007.
- Abdul Halim Busari, Yasir Hayat Mughal, Sajjad Nawaz Khan, Shahid Rasool, Asif Ayub Kiyani. (2017). *Analytical cognitive style moderation on promotion and turnover intention*. Journal of Management Development, 36(3), 438-464.
- Ahmad, A., Hasnain, N. & Venkatesan, M. (2012). *Decision making in relation to personality types and cognitive styles of business students*. Journal of Management Research. 2(51), 20-29.
- Al-Quranul Karim.
- Amaluddin Ab Rahman, Zaid Ahmad, Sarjit Singh Darshan Sing, Lee Yok Fee, Muhammad Nazri Lokman, dan Noor Asyikin Harun (2011). *Persepsi dan Kefahaman Masyarakat Bukan Islam terhadap Islam Hadhari*. Jurnal Hadhari, 3, 2, 63-82.
- Allinson, C. W. and Hayes, J. (2000). *Cross-national differences in cognitive style: Implications for management*, International Journal of Human Resources Management, 11, 1, 161-170.
- Allinson, C. W., Armstrong, S. J., and Hayes, J. (2001). *The effects of cognitive style on leader-member exchange: A study of manager-subordinate dyads*. Journal of Occupational and Organizational Psychology, 74, 201-230.
- Allinson, C.W. & Hayes, J. (1996). *The Cognitive Style Index: A Measure of Intuition Analysis for Organizational Research*. Journal of Management Studies, 33, 1, 119-135.
- Andersen, J. A. (2000). *Intuition in managers. Are intuitive managers more effective?* Journal of Management Psychology, 15, 1, 46-63.
- Armstrong, S. J. (2000). *The influence of individual cognitive style on performance in management education*. Educational Psychology, 20, 3, 323-340.
- Armstrong, S. J. & Cools, E., (2009). *Cognitive Styles in Business and management: a review of development over the two past two decades*. Vlerick Leuven Gent Working Paper Series 2009/02.
- Armstrong, S. J. & Hird, A. (2013). *Cognitive style and entrepreneurial drive of new and mature business owner-managers*. Journal of Business and Psychology. 24(4), 419-430.
- Cools, E. & Broeck, H. V. D. (2010). *Managing with Style: A Qualitative Study on How Cognitive Styles Influence Managerial Behaviour*. Vlerick Leuven Gent Management School, 50, 2, 103-114.
- Cools, E. and Van den Broeck, H. (2008). *Cognitive styles and managerial behaviour: A qualitative study*. Education and Training, 50, 2, 103-114.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*, 3rd edition. London: Sage
- Cross, K. L. (1976). *Accent on learning*. New York: Jossey-Bass Publishers.

- Downey, L.A., Papageorgiou, V., and Stough, C. (2006). *Examining the relationship between leadership, emotional intelligence and intuition in senior female managers*. Leadership and Organization Development, 27, 250-264.
- Fariza Md. Sham, (2006). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fiedler, F. E. (1981). *Leadership effectiveness*. American Behavioral Scientist, 24, 5, 619-632.
- Ford, N., Wood, F., and Walsh, C. (1994). *Cognitive styles and searching*. Online and CDROM Review, 18, 2, 79-86.
- Hadith 40 Imam An-Nawawi.
- Hamdan, A. (2008). *Cognitive Restructuring: An Islamic Perspective*. Journal of Muslim Mental Health, 99-116.
- Hayes, J. and Allinson, C. W. (1994). *Cognitive style and its relevance for management practice*. British Journal of Management, 5, 1, 53-71.
- Hayes, J., Allinson, C. W., and Armstrong, S. J. (2004). *Intuition, women managers and gendered stereotypes*. Personnel Review, 33, 4, 403-417.
- Hodgkinson, G. P., and Healey, M. P. (2008). *Cognition in organizations*. Annual Review of Psychology, 59, 387-417.
- Hodgkinson, G. P., and Sadler-Smith, E. (2003). *Complex or unitary? A critique and empirical reassessment of the Allinson-Hayes Cognitive Style Index*. Journal of Occupational and Organisational Psychology, 76, 243-268.
- Hodgkinson, G.P., Sadler-Smith, E., Sinclair, M., Ashkanasy, N. (2009). 'More than meets the eye? Intuition and analysis revisited', *Personality and Individual Differences*, 47, 342-346.
- Kim, M.J., Choi, J. N. & Park, O. S. (2012). *Intuitive and creativity in groups: Cross-level interactions between group conflict and individual cognitive styles*. Social Behavior and Personality. 40(9), 1419-1434.
- Kirton, M. J. (1976). *Adaptors and innovators: A description and measure*. Journal of Applied Psychology, 61, 5, 622-629.
- Kirton, M. J. and De Ciantis, S. M. (1986). *Cognitive style and personality: The Kirton adaption -innovation and Cattell's sixteen personality factor inventories*. Personality and Individual Differences, 7, 2, 141-146.
- Lofstrom, E. (2005). *Intuition and analysis at work: The role of cognitive style in experiences of work contexts*. Helsinki, Finland: Helsinki University Press.
- Mahmood, Z. (1992). *Sejarah pembinaan hukum Islam*. Universiti Malaya.
- Manal Mohammad Asif (2011). *Achievement goals and intrinsic motivation: A case of IIUM*. International Journal of Humanities and Social Science, 1 (6), 196-206.
- Messick, S. (1996). *Bridging cognition and personality in education: The role of style in performance and development*. European Journal of Personality, 10, 353-376.
- Riding, R. and Rayner, S. G. (1998). *Cognitive styles and learning strategies*. London: David Fulton Publishers.
- Riding, R. J. and Cheema, I. (1991). *Cognitive Styles: an overview and integration*. Educational Psychology, 11, 3/4, 193-215.
- Spicer, D.P. (2004). *The impact of approaches to learning and cognition on academic performance in business and management*. Education and Training, 46, 4, 194-205.
- Witkin, H. A., Moore, C. A., Goodenough, D. R., and Cox, P.W. (1977). *Field-dependent and field-independent cognitive styles and their educational implications*. Review of Educational Research, 47, 51-64.